



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (80)
Tarikh : 20 November 2021

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED TINGKATKAN ASPIRASI DAYA HUNI KELUARGA MALAYSIA DI PULAU LANGKAWI

LANGKAWI, 20 November 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah meninjau pembangunan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Loji Rawatan Termal Belanga Pecah yang bakal memberi manfaat kepada para penduduk Pulau Langkawi, Kedah.

YB Dato' Sri Reezal Merican memulakan lawatan kerja dengan melihat tahap kesediaan Loji Rawatan Termal atau Insinerator, Belanga Pecah, Langkawi yang dijangka akan mula beroperasi dalam masa terdekat. Insinerator ini baru sahaja selesai proses pembaikan dan telah lulus *Testing and Commissioning (T&C)* pada Julai 2021 lalu. Fasiliti ini yang dilengkapi *Leachate Treatment Plant (LTP)* juga telah lulus ujian makmal bagi *parameter dioxin* dan *uran* yang memenuhi piawaian Jabatan Alam Sekitar pada 15 November 2021 (Isnin) lalu.

Sebagai rekod, Insinerator Belanga Pecah ini merupakan satu-satunya insinerator di negeri Kedah selain tiga lagi di Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor. Pembinaan insinerator di kawasan tanah tinggi dan pulau ini adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan tanah serta kawasan yang terhad bagi membina tapak pelupusan. Selain itu, pembinaan loji insinerator ini juga akan berfungsi merawat sisa pepejal dan seterusnya mengurangkan pelupusan sisa pepejal ke tapak pelupusan sedia ada.

Pada masa ini, kesemua sisa pepejal dari seluruh kawasan Pulau Langkawi dilupuskan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPS) Belanga Pecah, Pulau Langkawi dengan kapasiti 130 tan sisa pepejal sehari.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut mengadakan lawatan ke PPR Anggerik Lestari, Kuah yang terdiri dari 500 unit pangsapuri 22 tingkat yang dibina di atas tanah berkeluasan 10.25 ekar. PPR Anggerik Lestari ini lengkap dengan fasiliti seperti surau, balai komuniti, tadika, taska, kedai dan gerai bagi kemudahan setiap penghuni dan setiap unit pula memiliki 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Kerajaan melalui KPKT telah membangunkan 10 projek PPR di negeri Kedah termasuk tiga PPR di Langkawi iaitu PPR Taman Dahlia dan dua dalam pembinaan di Langkawi, masing-masing adalah PPR Anggerik Lestari, Kuah dan PPR Indera Mahsuri, Ulu Melaka yang melibatkan kos keseluruhan bernilai lebih kurang RM263.8 juta.

YB Dato' Sri Reezal Merican menyatakan bahawa KPKT sentiasa meletakkan komitmen yang cukup tinggi dalam soal daya huni atau *liveability* Keluarga Malaysia khususnya di Pulau Langkawi. Ini dapat dilakukan antara lain melalui penyediaan perumahan yang selesa serta pengurusan sisa pepejal yang efektif demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

Beliau turut menjelaskan bahawa KPKT sentiasa memberi keutamaan terhadap soal pengurusan sisa pepejal dan perumahan yang menjadi antara komponen penting dalam pembangunan ekonomi Langkawi yang berteraskan eko-pelancongan.

Turut hadir di lawatan tersebut ialah YB Dato' Sri Haji Ismail Abdul Mutallib, Timbalan Menteri KPKT dan YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

